



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
JULAI 2026

SEDAR SEBELUM SESAL

3 JULAI 2026M | 17 MUHARAM 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَغِيثُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang jemaah yang dimulihkan,

Banyak peristiwa tragis yang berlaku di tengah masyarakat adalah kerana gejala penagihan dadah dan bahan terlarang. Yang terbaru masyarakat dikejutkan dengan satu kejadian seorang bapa dilaporkan maut dibunuh oleh anaknya sendiri yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Peristiwa ini menunjukkan bahawa dadah bukan sahaja merosakkan tubuh badan dan akal fikiran, bahkan mampu menghancurkan nilai kemanusiaan serta memutuskan kasih sayang dalam keluarga.

Mengikut rekod terdapat 13,343 orang penagih dadah telah dikesan di negeri Pahang pada tahun 2025 daripada sejumlah 191,832 penagih di seluruh negara. Yang mendukacitakan ialah ramai di kalangan penagih dadah adalah bangsa Melayu dan beragama Islam.

Islam merupakan agama yang sangat menitikberatkan kesucian jiwa dan kesejahteraan manusia. Sebab itu syariat Islam diturunkan untuk memelihara semua perkara yang terangkum dalam penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Apabila manusia mengabaikan panduan agama, mereka mudah terjerumus ke dalam perkara yang merosakkan diri, keluarga dan masyarakat.

Justeru, setiap Muslim wajib menjauhkan diri daripada segala bentuk kemungkaran dan kemaksiatan yang membawa kepada kebinasaan sebagaimana firman Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Yang bermaksud: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik.”

Hadirin yang dirahmati Allah ﷻ

Penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang merupakan antara punca kerosakan besar dalam kehidupan manusia. Dadah meruntuhkan akhlak dan menjauhkan manusia daripada petunjuk Allah ﷻ. Jiwa yang sepatutnya dipenuhi

dengan zikrullah dan amal soleh akhirnya dikuasai oleh kelalaian dan hawa nafsu. Sebab itu, kekuatan iman dan pegangan agama sangat penting dalam membina ketahanan diri daripada terjebak dengan gejala ini.

Apabila manusia jauh daripada petunjuk Allah ﷻ, maka hubungan sesama manusia juga akan rosak. Jenayah semakin berleluasa, institusi keluarga menjadi porak-peranda dan ramai anak muda yang berpotensi akhirnya hanyut dalam

ketagihan. Ada ibu bapa yang hidup dalam keresahan, bahkan ada anak-anak yang kehilangan kasih sayang akibat gejala dadah.

Sesungguhnya dadah membawa kerosakan yang besar kepada diri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, jauhilah diri daripada segala bentuk penyalahgunaan dadah dan jangan sesekali mencuba walaupun hanya sekali.

Sidang jemaah sekalian

Janganlah kita memandang mereka yang terjebak dengan dadah sebagai manusia yang tiada harapan. Di sebalik kelemahan dan kesilapan mereka, masih ada jiwa yang memerlukan bimbingan, perhatian dan pertolongan. Mereka bukan sahaja memerlukan rawatan, tetapi juga sokongan, kasih sayang dan bimbingan iman untuk bangkit semula.

Sebab itu, masyarakat hendaklah mengubah sikap dan tanggapan negatif terhadap golongan ini. Islam menuntut kita untuk membantu dan membimbing mereka kembali ke jalan yang benar. Setiap rumah hendaklah menjadi benteng iman. Setiap ibu bapa hendaklah memainkan peranan mendidik anak-anak, dan setiap masjid pula perlu menjadi tempat yang dekat dengan masyarakat serta membuka ruang kepada usaha pemulihan dan bimbingan.

Berilah peluang kepada mereka untuk memulakan kehidupan yang lebih baik. Bimbinglah mereka mendekati masjid, menunaikan solat dan melakukan kebaikan bersama. Bantulah mereka dengan sokongan moral dan peluang pekerjaan agar mereka tidak kembali terjebak dengan dadah. Yakinlah bahawa pintu taubat sentiasa terbuka sebagaimana hadis riwayat Imam Tirmizi, Nabi ﷺ bersabda:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Yang bermaksud: “*Setiap anak Adam itu berdosa, dan sebaik-baik pendosa ialah yang bertaubat.*”

Bagi membantu mereka yang ingin berubah dan kembali menjalani kehidupan yang lebih baik, kerajaan melalui Agensi Antidadah Kebangsaan menyediakan pelbagai bentuk rawatan dan pemulihan kepada penagih serta penyalah guna dadah dan bahan terlarang termasuk ketum, gam dan bahan psikoaktif.

Sidang jemaah yang dimuliakan Allah

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil beberapa pengajaran penting untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan:

Pertama, umat Islam hendaklah memelihara agama, nyawa dan akal yang merupakan antara maqasid syariah bagi kemaslahatan hidup manusia di dunia dan akhirat.

Kedua, kita hendaklah menyedari bahawa penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang merosakkan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Oleh itu, semua pihak mempunyai tanggungjawab dalam menangani ancaman ini.

Ketiga, masyarakat hendaklah memahami bahawa mereka yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang memerlukan bimbingan, rawatan dan sokongan untuk kembali pulih.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ
الدُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.